

## Malaysia-Indonesia: Pengalaman Hubungan Dua Negara Serumpun

Rohani Hj. Ab Ghani & Zulhilmi Paidi

### *Abstrak*

*Banyak perkara yang boleh dikaitkan apabila berbincang mengenai hubungan Malaysia dan Indonesia. Perkara yang paling istimewa yang hampir tidak ada dalam hubungan Malaysia dengan negara-negara lain ialah soal bangsa serumpun dan persamaan budaya serta agama. Ia juga menjadi pengikat kepada hubungan dan juga pengimbang dalam setiap masalah yang timbul dalam hubungan dua hala antara Malaysia dan Indonesia. Justeru soal keserumpunan, persamaan budaya dan agama menjadi retorik utama yang menghibasi sejarah hubungan kedua-dua negara. Persoalannya, apakah sebenarnya keutamaan Malaysia terhadap Indonesia dari segi pengurusan politik dan dasar luar negara. Apakah soal keserumpunan dan persamaan budaya serta agama akan kekal sejak dari dahulu hingga kini dalam hubungan kedua-dua buah negara. Oleh yang demikian kertas kerja ini cuba mengupas perkara tersebut sejak zaman konfrontasi sehingga kini dan cuba melihat apakah elemen utama yang mempengaruhi dasar luar negara terhadap Indonesia. Pendekatan yang digunakan kertas kerja ini ialah pendekatan historiografi dan sebahagian sumber rujukan ialah rekod-rekod British yang telah dirujuk di Arkib Nasional British, Kew, London.*

## **PENGENALAN**

Hubungan Malaysia dengan Indonesia merupakan satu hubungan tradisi yang diasaskan kepada nilai sepunya dari sudut rumpun bangsa yang sama, persamaan budaya dan agama. Dari segi sejarah, tamadun Melayu yang telah wujud di rantau ini merupakan kesinambungan tamadun-tamadun yang telah terbentuk di kedua-dua buah negara. Kegemilangan kerajaan-kerajaan Melayu seperti kerajaan Srivijaya, Majapahit, Melaka, Johor Lama, Perlak dan Pasai merupakan penanda aras yang penting dalam menilai pencapaian dan kegemilangan tamadun Melayu di peringkat antarabangsa dalam zaman tersebut. Namun demikian penyatuan ini telah pecah berikutan dengan termeterainya Perjanjian Inggeris-Belanda pada tahun 1824 yang sekaligus telah memisahkan tamadun Melayu menjadi entiti politik yang berbeza akibat perencanaan dua kuasa penjajah. Strategi yang dilaksanakan oleh British dan Belanda ke atas Malaysia dan Indonesia adalah berasaskan kepada kepentingan ekonomi dan geo-strategik mereka. Perjanjian ini juga merupakan sebahagian dari agenda “pecah dan perintah” (*divide and rule*) pihak Barat ke atas alam Melayu ini.

## **CIRI-CIRI KESERUMPUNAN**

Sebagaimana yang dinyatakan, susur galur hubungan Malaysia dan Indonesia boleh diteliti sejak perkembangan tamadun Melayu di rantau ini. Kedudukan Asia Tenggara amnya dan Nusantara khususnya yang berada di antara dua peradaban besar Asia iaitu Hindu dan Buddha menyebabkan kawasan ini dipengaruhi oleh kedua-dua peradaban tersebut. Sehubungan dengan itu kebangkitan peradaban Melayu adalah melibatkan kedua-dua elemen. Menurut Harrison (1964): *South-east Asia has never been in any sense an isolated or self contain unit. Because of its crossroads situation on the map of Asia it has always been peculiarly exposed to external influences; it has been a meeting ground of commerce, cultures and civilization.*

Faktor geo-politik merupakan faktor yang paling penting yang telah mencorakkan perkembangan sejarah peradaban yang selari antara Indonesia dan Malaysia kerana kedudukannya yang berhampiran. Selanjutnya dari segi perkembangan budaya Malaysia-Indonesia iaitu perkembangan tamadun, zaman pra- sejarah menunjukkan dengan jelas mengenai hubungan kebudayaan di kedua-dua negara dengan pengaruh-pengaruh luar khususnya China (Ismail, 1984). Tamadun Melayu Nusantara dimulai dengan period *Indianization*. Penemuan-penemuan inskripsi di bahagian Jawa Barat dan di bahagian pantai timur Borneo iaitu di muara Kuantan di kawasan Kutei menunjukkan ciri-ciri yang terdapat dalam manuskrip dari India Selatan yang dikatakan dihasilkan di sekitar abad keempat sebelum Masihi. Menurut Koentjaraningrat walaupun inskripsi yang ditemui tersebut tidak mempunyai tarikh namun ciri-ciri dan bentuk yang terdapat pada manuskrip tersebut mempunyai persamaan dengan manuskrip yang ditemui di India Selatan (Koentjaraningrat, 1975).

Perkaitan persamaan Malaysia-Indonesia banyak dikaitkan dengan Bahasa Melayu. Beberapa sarjana Eropah seperti Hendrik Kern dan Von Heine-Geldern yang mengkaji asal usul bahasa-bahasa di Kepulauan Melayu mendapati terdapat dua golongan pengembara yang telah sampai ke Kepulauan Melayu. Mereka ialah orang-orang dari Yunnan yang telah mengembara ke daerah-daerah Asia Tenggara sejak 2500 SM. Kumpulan ini merupakan penduduk asal Asia Tenggara dan turut dikenali sebagai Melayu Proto. Selepas itu kira-kira tahun 1500 SM, satu kumpulan lain telah keluar mengembara ke selatan dan dikenali sebagai Melayu Deutro. Mereka mendiami tanah-tanah subur di kawasan pingir-pingir pantai Asia Tenggara.

Kedatangan kumpulan baru ini menyebabkan orang-orang Melayu Proto telah melarikan diri ke kawasan yang lebih terpencil. Kumpulan ini kemudiannya dikenali sebagai puak Jakun, Mah Meri, Jahut, Temuan, Biduanda dan lain-lain. Manakala Melayu Deutro pula merupakan

kumpulan yang lebih cekap dalam pelayaran. Mereka telah merantau dan mendiami seluruh Nusantara (Abdullah, 1980). Bangsa Melayu Proto ini pada mulanya menuturkan satu bahasa yang sama tetapi lama kelamaan bahasa-bahasa yang dipertuturkan oleh mereka berpecah menjadi cabang-cabang bahasa yang berlainan. Ia seperti bahasa Jawa, Dayak, Minangkabau, Batak dan lain-lain. Perbezaan ini wujud natijah dari hubungan mereka yang telah terpisah oleh laut dan gunung-ganang. Namun begitu, walaupun bahasa-bahasa ini mempunyai kelainan namun jika dikaji dari segi susur galurnya ia merupakan bahasa yang berasal dari satu induk (Abdullah, 1980).

Dari segi perkaitan Malaysia dan Indonesia dari segi bahasa, bahasa Melayu merupakan asas kepada kewujudan bahasa Indonesia. Perkara ini dinyatakan oleh Septy Ruzui (1968); *It may not be known that Indonesian is different from Malay spoken in the Malay Peninsular, but at the same time, it should be admitted that based on Malay the Indonesians have developed their national languages, the "Bahasa Indonesia*. Menurut Ruzui lagi, bahasa Melayu itu sendiri lahir di Pulau Sumatra. Ia kemudiannya telah berkembang ke Semenanjung Malaysia pada abad ke 13 dan tersebar ke kawasan-kawasan lain di seluruh gugusan pulau-pulau Melayu melalui migrasi penduduk Melayu (Ruzui, 1968). Beberapa kajian juga menunjukkan beberapa bukti mengenai bahasa Melayu pada masa itu tersebar di Kepulauan Melayu di luar kawasan asalnya iaitu kerajaan Srivijaya.

Bahasa Melayu kemudiannya telah muncul sebagai satu bahasa *lingua franca* di Kepulauan Melayu selepas abad ke 13 M. Malah menurut Abdullah (1980), terdapat bukti yang menunjukkan bahawa bahasa Melayu menjadi bahasa perantaraan lebih awal dari tempoh tersebut. Dalam satu catatan yang dibuat oleh I-Tsing iaitu seorang pengembara Cina yang telah singgah di Srivijaya pada tahun 672 M dalam perjalanannya dari China ke India. Beliau menyatakan bahawa Bahasa Melayu digunakan dengan meluas pada zaman tersebut. Selain dari itu seorang penjelajah

berbangsa Portugis iaitu Godinho de Eredia juga turut menyebut bahawa bahasa Melayu menjadi *lingua franca* di Kepulauan Melayu. Sementara itu, Francois Valentyn pula menjelaskan bahawa bahasa Melayu bukan sahaja digunakan di dalam kerajaan Melayu Melaka di sekitar 1726 tetapi turut dipertuturkan oleh seluruh penduduk Kepulauan Melayu (Abdullah, 1980).

Sejarah perkembangan Bahasa Melayu sebagai *lingua franca* sekali gus menggambarkan jambatan perhubungan identiti bagi Malaysia dan Indonesia. Ia juga merupakan alat penyatuan seluruh umat Nusantara pada zaman tersebut. Penyatuan entiti politik Nusantara yang bersatu sejak sekian lama akhirnya telah berpecah berikutan dengan kedatangan dan seterusnya penguasaan politik empayar Barat ke atas Asia Tenggara terutamanya setelah termeterainya Perjanjian Inggeris-Belanda pada tahun 1824. Perjanjian tersebut juga merupakan titik penting kepada perbezaan kadar perkembangan bahasa Melayu di Malaysia dan Indonesia (Abdullah, 1980). Secara umumnya dari keterangan ringkas di atas, dapat dirumuskan bahawa perkembangan ketamadunan, rupa bangsa dan identiti sosial di Malaysia merupakan satu perkongsian bersama-sama dengan Indonesia.

### **HUBUNGAN SEBELUM TAHUN 1963**

Keakraban perhubungan antara dua buah negara tergambar dalam banyak keadaan. Indonesia mendapat tempat yang istimewa dalam hubungan luar Malaysia. Jika diteliti dari segi dasar luar Malaysia, hubungan antara kedua-dua negara adalah sangat penting kerana selain dari negara bertetangga, Malaysia dan Indonesia mempunyai ikatan persamaan yang jelas dari segi budaya, bangsa dan agama. Ikatan persamaan ini sebagaimana yang diucapkan oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang pada masa itu merupakan Ketua Menteri Malaysia (Tanah Melayu) di Mesyuarat Menteri-Menteri di Jakarta pada 8 November 1955. Tunku antara lain mengakui;

Bahawasanya tidaklah dapat disangkal oleh dunia akan perhubungan antarabangsa Melayu dengan bangsa Indonesia yang mana pada satu masa kita dikenali sebagai satu bangsa yang mendiami Gugusan Pulau-pulau Melayu...Sungguhpun kita bercerai di satu babak tapi bersatu yang lain iaitu babak kebudayaan (Siri Ucapan-ucapan Tunku Abdul Rahman Putera Al-Haj, 1985).

Indonesia merupakan negara pertama yang bukan ahli Komanwel yang mempunyai perwakilan dari Malaysia setelah Malaysia mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Manakala pada 17 April 1959, Perjanjian Persahabatan Malaysia-Indonesia telah ditandatangani. Indonesia memberikan makna yang besar dalam sejarah diplomatik dua hala Malaysia kerana ia memberikan banyak bantuan terhadap negara ini terutama dalam bidang ekonomi dan sosial. Sehubungan dengan itu, Indonesia disifatkan sebagai “abang besar” kepada Malaysia.

Mengulas mengenai hubungan awal ini Ruhanas (2006) menyatakan bahawa selepas kedua-dua negara mencapai kemerdekaan, hubungan kedua-dua negara melalui masa yang mencabar. Ini kerana kedua-duanya baharu sahaja bebas daripada penjajahan yang selama ini mempengaruhi hubungan luar mereka. Malaysia dan Indonesia cuba mengukuhkan hubungan persaudaraan di samping menyesuaikan diri dengan status negara merdeka dalam arena antarabangsa. Antara cabaran tersebut ialah perbezaan ideologi politik yang diamalkan oleh mereka yang kemudiannya membawa kepada kemunculan masalah-masalah lain dalam hubungan dua hala Malaysia-Indonesia. Dalam soal ini, selepas merdeka Malaysia yang dipimpin oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj mengamalkan idologi politik demokrasi yang pro-Barat manakala Indonesia yang dipimpin oleh Sukarno merupakan sebuah negara yang berideologikan fahaman nasional sosialis yang mirip kepada komunisme. Walaupun Sukarno sering menafikan bahawa Indonesia bukan merupakan negara yang mirip kepada komunisme namun berasaskan kepada pengaruh

Partai Komunis Indonesia (PKI), Presiden Indonesia itu lebih cenderung kepada elemen komunisme dalam pemerintahannya.

Sebenarnya sejak dari awal lagi hubungan Malaysia dan Indonesia sering berselang seli dengan beberapa konflik kerana beberapa sebab iaitu pertamanya, usaha Indonesia untuk menambah pengawalan ke atas kawasan perairan Selat Melaka yang didakwa untuk mengatasi masalah pemberontakan di Sumatra. Perkara ini dilihat oleh pihak Malaysia sebagai aktiviti cubaan perluasan kuasa oleh Indonesia ke atas negara jirannya. Dalam masa yang sama Indonesia merasakan mereka semakin kuat (DO35/9879, 20 Mac 1959). Kedua, minat Indonesia untuk campur tangan dalam hal-ehwal politik dalaman Malaysia juga boleh membawa kepada ancaman kepada hubungan kedua-dua buah negara.

Pihak sayap kiri dalam kerajaan Indonesia juga sedang memperkukuhkan sokongan mereka ke atas barisan sayap kanan dalam kerajaan Malaysia pada masa itu bagi tujuan untuk menanamkan pengaruh mereka. Selain dari itu dalam tahun-tahun sebelumnya, sebahagian besar dari ahli kabinet Indonesia yang berhaluan kiri memberikan sokongan secara terbuka kepada Parti Komunis Malaya (PKM) baik semasa ia masih diiktiraf oleh kerajaan British mahupun semasa melancarkan pemberontakan bersenjata. Rekod-rekod British juga menyatakan bahawa kumpulan sayap kiri Indonesia lebih memilih untuk memberikan sokongan kepada parti-parti pembangkang di Malaysia berbanding dengan Parti Perikatan (gabungan UMNO-MCA-MIC) (DO35/9879, 20 Mac 1959). Sehubungan dengan perkembangan ini juga Parti Ra'yat dan Parti Buruh Malaysia lebih banyak mengambil pendekatan yang diamalkan oleh Indonesia berbanding dengan bersetuju dengan program-program yang dijalankan oleh Kerajaan Persekutuan Malaysia.

Ketiga, dari segi persoalan kaum Cina yang merupakan antara aspek utama dalam pertimbangan hubungan antara Malaysia dan Indonesia. Bagi Indonesia mereka cuba meyakinkan pemimpin Malaysia bahawa

bagi menyelesaikan masalah masyarakat Cina di negara ini, pendekatan yang telah dilaksanakan di Indonesia perlu dicontohi oleh Malaysia; “*The Indonesians know of only one way to deal with Chinese, which is to harass them until they either leave the country or are cowed into submissiveness.*” (DO 35/9951, 24 Oktober 1958). Mereka juga tidak bersetuju dengan kerajaan Malaysia yang menggunakan idea membangunkan perkongsian perkauman (*racial partnership*). Bagi Indonesia idea tersebut sukar difahami dan menyifatkan ia sebagai satu eksperimen. Indonesia juga ragu-ragu mengenai keharmonian kaum di Malaysia. Dalam pada itu juga Indonesia berpandangan sekiranya usaha penyatuan kaum di Malaysia menemui kegagalan, ia akan membawa implikasi ke arah hubungan Malaysia dan Indonesia yang lebih rapat (DO 35/9951, 24 Oktober 1958).

Berasaskan kepada banyak perbezaan yang wujud dari segi falsafah, pendekatan, sistem dan amalan kerajaan yang berbeza antara kedua-dua buah negara, pihak British menampakkan pendirian bahawa hubungan baik antara Malaysia dan Indonesia bukan merupakan satu perkara yang negatif dalam perkaitan hubungan British dengan Malaysia. Sumber British turut menyatakan bahawa;

*... She has barely survived a civil war, and been on the worst possible terms with some of her nearest neighbours. These facts help to explain the apparent lack of drive in her policy towards Malaya but if she succeeds in putting her own house in order we may expect that every attempt will be made to extend Indonesian influence over Malaya and this cannot but be harmful to the British-Malayan connection* (DO 35/9951, 24 Oktober 1958).

Dalam soal hubungan akrab bagi kedua-dua buah negara British dengan sinis menyatakan bahawa orang Melayu di Malaysia sebenarnya perlu menyedari “jenis” negara yang mereka yang mereka sanjung. Dalam konteks ini, British memberikan bayangan bahawa Indonesia bukan merupakan sebuah negara yang benar-benar ikhlas dalam hubungannya



dengan Malaysia (DO 35/9951,7 April 1959) sebaliknya berminat untuk meluaskan pengaruhnya di Malaysia. Malah sebelum meletusnya konfrontasi Malaysia-Indonesia, soal minat negara itu ke atas Malaysia sering menjadi perhatian baik dalam kalangan pemimpin Malaysia mahupun oleh pihak British sendiri. Kebimbangan ini mempunyai asas yang kukuh kerana wujud hubungan yang kuat antara para nasionalis awal Malaysia yang disifatkan sebagai golongan kiri oleh British seperti Ibrahim Yaakub dengan pemimpin-pemimpin revolusi Indonesia seperti Sukarno dan Hatta.

Selain dari itu pihak British juga sangat bimbang dengan pengaruh kuasa China ke atas Indonesia yang mampu memberikan kesan terhadap negara itu (Indonesia) *vis-a-vis* hubungannya dengan Malaysia (DO 35/9951, 7 April 1959). Tidak dapat dinafikan bahawa negara China ketika itu sedang merancang tindakan agresif secara terbuka dan cuba campur tangan di negara-negara di AT. Bagi melaksanakan rancangan tersebut China berusaha untuk membentuk negara-negara satelit di rantau ini secara memperkukuhkan pengaruh mereka dalam parti-parti komunis tempatan. Mereka juga menggalakkan kewujudan dasar “berkecuali” dalam kalangan negara berkenaan yang lebih bertujuan untuk menyokong kepentingan China. Dalam masa yang sama mereka menggalakkan gerakan subversif apabila mereka mendapat kesempatan. Di Malaysia, China mendapat lebih banyak peluang melalui sokongan oleh masyarakat Cina yang merupakan majoriti penduduk kedua terbesar di negara ini. Keadaan ini berbeza dengan masyarakat Cina di Indonesia yang dari segi jumlah yang lebih kecil untuk dieksploitasi oleh China Komunis. Selain dari itu gerakan subversif mereka lebih ke arah untuk kepentingan PKI dan bukannya kepada Parti Komunis China (PKC) berbanding dengan PKM yang lebih berkiblatkan kepada PKC (DO 35/9951, 7 April 1959).

Konflik hubungan awal Malaysia-Indonesia turut dipengaruhi oleh perkembangan politik semasa Indonesia yang sedang menghadapi

pemberontakan Pemerintah Revolusioner Republik Indonesia/Perjuangan Semesta atau PRRI/PERMESTA pada masa itu. Pemberontakan wilayah ini merupakan satu penentangan terhadap pemerintahan Sukarno yang didakwa sebagai semakin dipengaruhi oleh komunisme. Siri pemberontakan yang berlaku di wilayah kepulauan Sulawesi, Sumatera dan Menado ini bermula pada tahun 1957 (Legge, 1981 dan Hindley, 1964). Malaysia telah didakwa oleh Indonesia sebagai pihak ketiga yang terlibat dengan memberikan bantuan kepada pihak pemberontak dan menjadi proksi Barat bagi menjatuhkan kerajaan Sukarno. Walaupun pada asasnya Malaysia memberikan jaminan untuk tidak campur tangan dalam hal ehwal dalaman Indonesia namun kedudukan geografi negara ini yang berdekatan dengan Indonesia menyebabkan ia menjadi laluan utama para pemberontak. Bagi mengatasi masalah ini kerajaan Malaysia mewajibkan penggunaan visa terhadap para pelawat Indonesia yang ingin memasuki Malaysia dan Singapura. Namun peraturan ini didapati telah menyusahkan para pelawat dan pedagang yang berdagang dengan pulau itu menyebabkan peraturan tersebut tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan (DO 35/9951, 4 Mei 1959).

Sukarno kemudiannya telah menuduh Tunku cuba menggunakan Sumitro Djojohadikusumo iaitu salah seorang pemimpin PRRI untuk memusuhi Indonesia. Tunku menafikan tuduhan ini dan menyatakan pendirian yang berbunyi; *"I have never spoken at any time with any so-called Indonesian rebel leader, nor have any plan in my head to set up a Malayan Islamic in Southeast Asia"* (Siri Ucapan-Ucapan YTM Abdul Rahman Putra Al-Haj 1959-1960, 1985). Dakwaan ini diperkuatkan lagi oleh keengganan pihak Malaysia untuk menyerahkan rakyat Indonesia yang didakwa sebagai pemberontak PRRI yang ditangkap di perairan Malaysia (Kertas Putih Kerajaan Malaysia, *Malaya-Indonesia Relations*, 1963). Selain dari itu Indonesia mendakwa pihak pemberontak telah menggunakan kawasan perairan dan pelabuhan Malaysia bagi menyeludup komoditi getah dan kelapa kering. Selain dari itu kerajaan Malaysia juga dikatakan telah membenarkan pelabuhan-pelabuhan negara ini digunakan oleh pihak

Barat untuk menyalurkan bantuan kepada pemberontak untuk menentang kerajaan Indonesia (Kroef, 1963). Dasar Malaysia memberikan bantuan kepada pemberontak-pemberontak Sumatra dikatakan didorong oleh sentimen bangsa dan kedekatan wilayah sebagaimana yang dinyatakan oleh sumber rasmi Australia yang telah dipetik oleh Liow (2005; A1838 3006/4/7 part 1, 1958);

*...The Malayan government also found it difficult to condemn the Sumatran rebels for another reason: many among the political elite considered Sumatran the cradle of the Malay race, whereas Java was seen as more distant (both geographically and culturally) and also the strong hold of communist.*

Bagi Indonesia pula pendirian Malaysia ini merupakan satu pengkhianatan rasa hormat Indonesia yang selama ini menganggap Malaysia sebagai “adik” dan juga hubungan yang telah berlangsung sebelum ini (FO 371/181494, 19 Disember 1958).

Secara umumnya kenyataan sebenar hubungan Malaysia dengan Indonesia pada zaman awal kemerdekaan Malaysia dan sebelum peristiwa konfrontasi adalah tidak berjalan dengan baik walaupun pada dasarnya kedua-dua negara mempunyai banyak persamaan. Menurut Ott (1971), kecurigaan terhadap minat Jakarta untuk meluaskan pengaruh ke atas negara-negara sekitar dan perbezaan gaya dan nilai politik antara Tunku dan Sukarno memainkan peranan yang penting dalam konflik Malaysia-Indonesia.

### **KONFRONTASI INDONESIA-MALAYSIA**

Berasaskan senario hubungan kedua-dua negara pada penghujung tahun 1950-an dan awal 1960-an, dapat diperhatikan banyak perkara yang telah mencetuskan pergeseran di antara Malaysia-Indonesia. Kemuncak kepada senario tersebut ialah meletusnya konfrontasi pada tahun 1963 hingga 1966. Sebagaimana yang telah dijelaskan oleh sarjana-sarjana dalam dan luar negara seperti Brackman (1963), Pluvier (1965), Mackie

(1974), Zainal Abidin (1980), M. Ghazali (1982) dan Nik Anuar (2000), penubuhan Malaysia pada 16 September 1963 merupakan titik tolak penting kepada tindakan ketenteraan Indonesia ke atas Malaysia melalui dasar konfrontasi. Indonesia mendakwa penubuhan Malaysia merupakan satu agenda Barat yang bertujuan untuk mengepung Indonesia; “ *The Jakarta regime has often said, ad nauseum, that neo-colonialist Malaysia is a threat to Indonesia and that Malaysia was being form to encircle Indonesia*” (Leifer, 1983).

Mengenai penubuhan Malaysia, sebenarnya Indonesia telah sedia maklum mengenai niat British untuk memberikan kemerdekaan kepada Malaysia dan juga wilayah-wilayah yang berjiran secara bersama dan tidak berasingan demi untuk menjaga keutuhan wilayah yang bakal merdeka itu. Perkara ini diakui oleh Hatta yang dalam pertemuan dengan Pesuruhjaya Tinggi British di AT iaitu Malcolm MacDonald pada pertengahan November 1949 iaitu selepas Persidangan Meja Bulat di The Hague, Belanda. Dalam pertemuan tersebut Hatta menyatakan bahawa beliau akan turut gembira sekiranya British dapat memberikan kemerdekaan ke atas Malaysia dan wilayah-wilayah lain;

*Now that Indonesia has become an independent country, I hope that Britain will also grant independence to Malaya, Singapore, and North Borneo. By doing so, Britain would only continue what she has started doing with India. It would make me very happy to see a Free Malaya, a Free Singapore and a Free North Borneo beside our Free Indonesia* (Mohammad Hatta, 1965).

Menurut Hatta, pandangan ini disambut oleh MacDonald dengan menyatakan bahawa adalah menjadi hasrat British untuk memberikan kemerdekaan kepada wilayah-wilayah tersebut tetapi bukan dalam bentuk yang terpisah-pisah. Tambah MacDonald, pemisahan wilayah-wilayah itu juga akan melemahkan mereka tambahan pula adalah lebih sesuai ketiga-tiga kawasan tersebut bergabung dalam satu negara (Mohammad Hatta, 1965).

Namun begitu apabila rancangan penubuhan Malaysia semakin giat diusahakan oleh para pemimpin Malaysia, pihak Indonesia kian jelas menunjukkan rasa tidak senang mereka terhadap rancangan tersebut. Meskipun demikian Dr. Subandrio iaitu Menteri Luar Indonesia pada masa itu telah mengucapkan 'selamat' kepada penubuhan tersebut dan berharap rakyat akan hidup aman dan bahagia dalam penyatuan wilayah yang akan datang. Beliau juga telah memberikan jaminan bahawa Indonesia tidak berhasrat untuk membuat sebarang tuntutan ke atas wilayah Borneo. Ucapan beliau di Majlis Perhimpunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada 20 November 1961 yang berbunyi;

*...when told us her intention to merge with the three British Crown Colonies of Sarawak, Brunei and British North Borneo as one federation, we told them that we have no objections and that we wished them success with this merger so that everyone may live in peace and freedom.... Naturally ethnologically, and geographically speaking, this British part is closer to Indonesia than, let us say, to Malaya. But we still told Malaya that we have no objections to such a merger based upon the will for freedom of the peoples concerned (Nik Anuar, 2000).*

Tunku memang telah menjangkakan bahawa Presiden Sukarno akan menentang rancangan penubuhan Malaysia. Namun beliau memberikan jaminan untuk sanggup menanggung risiko yang mungkin dihadapi berikutan dengan penubuhan gagasan tersebut. Menurut Nik Anuar (2000); "Maka itu, Tunku bersedia untuk menanggung *a great number of headaches* bagi menjayakan gagasan sekiranya disokong oleh British".

Indonesia akhirnya mengisytiharkan konfrontasi ke atas Malaysia pada 20 Januari 1963 (CO 1030/1417, 21 Januari 1963). Semasa mengumumkan konfrontasi ke atas Malaysia, Menteri Luar Indonesia iaitu Dr. Subandrio antara lain menuduh, "Konfrontasi menentang Malaysia kerana Malaysia merupakan sebagai "pengikut setia" kepada

neokolonialisme dan neoimperialisme ...” (M. Ghazali, 1982) dan menyifatkan penubuhan Malaysia sebagai “*the marriage between Malay feudalism and British imperialism*” (Leifer, 1983). Pada 31 Januari 1963 Duta Malaysia di Indonesia iaitu Dato’ Kamaruddin Haji Idris telah dipanggil pulang ke Malaysia (*The Straits Times, 31 January 1963*). Pencerobohan pertama Indonesia ke atas wilayah Malaysia dilakukan terhadap balai polis Tebedu, Sarawak pada 12 April 1963 dan menyebabkan seorang terbunuh (DO 169/75, 2 Februari 1963. Indonesia kemudiannya telah memutuskan hubungan diplomatik dengan Malaysia pada 16 September 1963 iaitu tarikh penubuhan Malaysia. Bangunan kedutaan Malaysia di Jakarta telah dibakar dan pada 17 September 1963, Malaysia telah memutuskan hubungan diplomatik dengan Indonesia dan Filipina (*The Malay Mail, 17 September 1963*).

Sejak 16 Januari 1963 hingga 27 Mac 1963, Indonesia telah melancarkan 50 serangan ke atas Malaysia. Serangan-serangan ketenteraan dilancarkan oleh Indonesia dengan mendaratkan sukarelawan-sukarelawan Indonesia di wilayah Malaysia. Antaranya pendaratan gerila-gerila yang menggelarkan diri mereka sebagai Tentera Nasional Kalimantan Utara (TNKU) di Sarawak pada 12 April 1963. Konfrontasi Indonesia-Malaysia secara terbuka kemudiannya bermula apabila Sukarno mengisytiharkan Dwi Komando Rakyat (DWIKORA) pada 3 Mei 1964. Ia bertujuan mempertingkatkan pertahanan Indonesia dan membantu pemberontak di Malaysia, Singapura, Sabah dan Sarawak bagi mengganyang Malaysia (Syed Othman, 1999). Pengisytiharan “Ganyang Malaysia” oleh Sukarno dilancarkan sebaik sahaja Tunku berjaya merealisasikan penubuhan Malaysia. Malaysia membalas tindakan konfrontasi Indonesia dengan cara menyekat penghantaran semua jenis barang melalui pengangkutan udara dan laut ke Indonesia (FO 371/176482, November 64).

Indonesia terus memperluaskan serangan ke Semenanjung Malaysia melalui pendaratan tenteranya di Pontian, Johor pada 17 Ogos 1964. Pendaratan kedua berlaku di Labis, Johor pada 2 September 1964.

Serangan-serangan ini dijalankan oleh pasukan *regular* dan *paratroopers* yang terdiri dari rakyat Indonesia. Selain dari itu pasukan penyerang juga terdiri dari kumpulan *irregulars* yang merupakan rakyat Malaysia dan dilatih di Pasir Panjang, Pulau Karimon Indonesia (Nik Anuar, 1999). Sehubungan dengan itu, Malaysia telah mengemukakan bantahan kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu U-Thant. Selanjutnya pada Julai dan Ogos 1964, tentera-tentera Indonesia melakukan pendaratan dan serangan ke atas Johor dan Singapura. Nelayan-nelayan Malaysia juga turut menjadi mangsa tentera-tentera Indonesia yang telah mencerooh perairan negara. Keselamatan negara telah menerima ancaman yang serius dari Indonesia (DO 169/519, 26 September 1964).

Walaupun banyak faktor yang telah mendasari konflik Malaysia-Indonesia, satu faktor lain yang turut memberikan impak dalam hal ini ialah "*clash of personality*" di antara Sukarno dan Tunku. Sukarno dikatakan sering melihat Tunku sebagai seorang tokoh yang dibentuk oleh British dan merupakan pesaingnya dalam kalangan pemimpin-pemimpin negara baru. Dalam soal ini beliau meletakkan dirinya sebagai pemimpin unggul dari sebuah negara yang telah lama merdeka dan mempunyai penduduk yang paling ramai di Asia Tenggara (Nathan, 1973). Usaha Tunku untuk cuba menjadi perunding dalam konflik Indonesia dan Belanda dalam isu Irian Barat juga ditafsirkan oleh Presiden Indonesia itu sebagai bertujuan untuk menonjolkan diri di peringkat antarabangsa sedangkan Sukarno dalam masa yang sama merupakan seorang pemimpin yang terkenal di kalangan negara-negara dalam pertubuhan Afro-Asia (Nik Anuar, 1999).

Pendekatan kurang mesra Indonesia terhadap Malaysia juga dipengaruhi oleh dominasi komunis dalam perkembangan politik di negara itu terutama dalam tahun 1957 dan era 1960-an. Brackman (1966) menyatakan bahawa Partai Komunis Indonesia (PKI) telah menjadi salah satu parti yang mendokong Demokrasi Terpimpin (Legge, 1981).

Dalam politik Indonesia, Sukarno telah menggunakan ketiga-tiga elemen utama iaitu Islam, nasionalis dan komunis bagi mengukuhkan kuasanya. Dalam soal pengaruh PKI yang begitu kuat dalam politik Indonesia, ia telah memberikan satu natijah lain iaitu perkaitan yang cukup rapat antara negara itu dengan kuasa China dan Rusia. Senario ini tentu sekali bertentangan dengan suasana politik di Malaysia yang sememangnya bersikap anti-komunis dan pro-Barat. Pengalaman Malaysia dalam menentang PKM sepanjang tempoh Darurat 1948-1960 merupakan satu perkara yang sangat mempengaruhi pendirian negara dan Tunku sendiri terhadap komunis. Ia agak jelas ditunjukkan melalui ucapan beliau di Jesselton; “Sejahat-jahat penjajah ialah komunis, komunis adalah lebih dahsyat dan lebih merbahaya dari bentuk-bentuk penjajah yang pernah didiami oleh umat manusia dan kita mestilah berwaspada dengan ancaman komunis” (*Utusan Melayu, 1962*).

Sebelum pertelingkahan secara terbuka ini, banyak usaha diplomatik yang telah dijalankan tetapi gagal seperti Persidangan Bangkok dan Persidangan Puncak di Tokyo pada 20-21 Jun 1964. Ia termasuk juga usaha untuk mengadakan satu pertubuhan serantau yang merangkumi Malaysia, Filipina dan Indonesia dalam Maphilindo tetapi gagal. Namun begitu, menjelang selepas pertengahan tahun 1965, satu senario politik di Indonesia menunjukkan keadaan yang semakin tidak menentu dengan pengaruh PKI yang semakin menonjol dan penentangan di kalangan pemimpin-pemimpin yang anti-komunis semakin terserlah. Kemuncak kepada konflik politik dalaman Indonesia telah membawa kepada tercetus peristiwa Gerakan 30 September 1965 atau lebih dikenali sebagai G30S/PKI. Situasi telah memberikan satu peluang baru kepada kerajaan Malaysia ke arah usaha-usaha yang lebih mantap bagi menamatkan konfrontasi. Malaysia telah berhubung secara rahsia dengan pemimpin-pemimpin baru Indonesia untuk mencuba sebarang rundingan ke arah penyelesaian damai.



Langkah tersebut menunjukkan kesan yang positif apabila Adam Malik dan kemudiannya diikuti oleh kumpulan pemimpin tentera Indonesia telah bersetuju dengan perkara tersebut. Setelah pelbagai usaha diadakan, akhirnya Perjanjian Bangkok atau dikenali juga dengan nama Perjanjian Pemulihan Persahabatan telah dimeterai. Perjanjian ini telah menamatkan konfrontasi kedua-dua buah negara yang berlangsung selama tiga tahun. Penerimaan Malaysia terhadap perbincangan Bangkok berasaskan kepada andaian iaitu Jakarta kini telah bersedia untuk menerima Malaysia dengan wilayah dan persempadanan semasa dan dalam masa yang sama Malaysia bersetuju menerima syarat Indonesia iaitu mengadakan pilihanraya di Sabah dan Sarawak sebagai langkah untuk menjaga 'air muka' Indonesia (FO 371/187565, 10 Jun 1966).

### **HUBUNGAN PASCA KONFRONTASI**

Penamatan konfrontasi telah memulihkan hubungan yang telah terputus selama lebih kurang tiga tahun. Pada 31 Ogos 1967, Pejabat Perhubungan Malaysia di Jakarta dan Pejabat Perhubungan Indonesia di Kuala Lumpur telah menjalankan semua misi diplomatik antara kedua-dua buah negara. Dengan termeterainya Perjanjian Pemulihan Persahabatan itu, satu paradigma baru telah muncul iaitu pemikiran terhadap keperluan hubungan bilateral yang lebih erat dan diterjemahkan dalam konteks yang lebih luas iaitu bekerjasama ke arah mewujudkan hubungan serantau di kalangan negara-negara di Asia Tenggara. Perkara ini jelas melalui ucapan Tun Abdul Razak dalam upacara menandatangani perjanjian pemulihan hubungan yang antara lain menyatakan; *"The nation of SouthEast Asia must cooperate and be sincere to one another, to play an important role in achieving good co-operation and friendship among the countries in Southeast Asia"* (Foreign Affairs Malaysia, 1966).

Sehubungan dengan pemikiran tentang keperluan perlu diwujudkan satu kerjasama antara negara yang lebih luas, ASEAN (*Association of South East Asian Nations*) telah ditubuhkan pada 8 Ogos 1967 dalam Deklarasi Bangkok, di Bangkok. Pertubuhan ini diasaskan atas rangka

yang telah dicadangkan oleh Indonesia yang dikenali sebagai *South East Asia Association For Regional Cooperation* (SEARC) (Muhamad Hear, 1976). Kini ASEAN wujud sebagai sebuah pertubuhan serantau, pertubuhan ini masih mampu memberikan jaminan kepada keselamatan rantau ini dan penerusan hubungan di kalangan negara-negara ahli dalam ASEAN. Ia diperkukuhkan lagi melalui pertubuhan yang berkait dengan pertubuhan tersebut termasuklah IMT-GT iaitu sebuah kerjasama segi tiga yang melibatkan Indonesia, Malaysia dan Thailand dalam khusus bagi pertumbuhan ekonomi ketiga-tiga negara yang sekali gus memberikan manfaat kepada ASEAN.

Tidak dapat dinafikan pemulihan hubungan Malaysia-Indonesia memberikan banyak makna terhadap pengisian hubungan serumpun kedua-dua buah negara. Indonesia kembali menjadi penyumbang kepada perkembangan pendidikan di Malaysia sebagaimana sebelum meletusnya konfrontasi Malaysia-Indonesia. Peranan dalam menyediakan para pensyarah, latihan perguruan, pertukaran para pelajar di institusi pengajian tinggi di antara Malaysia-dan Indonesia telah wujud sejak awal 1970-an lagi. Manifestasi terpenting dalam kerjasama ini terbukti dalam penglibatan Indonesia terhadap usaha untuk menubuhkan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1970. Usaha merintis jalan kerjasama dengan Indonesia dalam menubuhkan sebuah universiti yang menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar di Malaysia ini dimulakan oleh Datuk Abdul Rahman Yaakob yang menjadi Menteri Pelajaran pada masa itu (Berita Harian, 1970).

Dalam lawatan-lawatan beliau dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Pelajaran pada masa itu ke Indonesia, Datuk Abdul Rahman Yaakob menegaskan sekiranya Indonesia tidak dapat memberikan bantuan, bukan sahaja UKM gagal dilaksanakan malah Dasar Pelajaran Kebangsaan dan Dasar Bahasa Malaysia (Melayu) sebagai bahasa rasmi tunggal di Malaysia juga akan turut gagal. Menurut para perintis penubuhan UKM seperti Profesor Datuk Zainal Abidin bin Abdul Wahid, bantuan dari Indonesia

itu adalah diasaskan oleh semangat muhibah dan rasa persaudaraan yang wujud dengan Malaysia yang merupakan negara serumpun bangsa sedangkan Indonesia sendiri pada masa itu kekurangan tenaga pengajar di peringkat universiti mereka sendiri. Satu ungkapan yang pernah disuarakan oleh Profesor Dr. Mahmud Mohd Nor semasa beliau menjadi Dekan Fakulti Perubatan UKM pada tahun 1989 menyatakan; “Satu hal yang tidak dapat dilupakan ialah kita terhutang budi kepada Indonesia kerana telah menyumbang tenaga pengajar kepada Fakulti Perubatan.” Rangka kerjasama hubungan yang lain terserlah dengan jelas dalam bidang bahasa. Sejak tahun 1970 lagi kerjasama erat di antara Indonesia dan Malaysia telah dijalankan di atas aspirasi untuk mengembalikan kegemilangan bahasa Melayu di Nusantara ini. Kemuncak kepada segala kerjasama ini adalah berikutan dengan pengumuman serentak Penggunaan Ejaan Bersama Malaysia dan Indonesia di Jakarta dan di Kuala Lumpur pada 16 Ogos 1972. Penyelarasan kerjasama bahasa diteruskan melalui pembentukan Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia (MBIM) pada tahun 1972 dan kerjasama bahasa ini berlangsung hingga ke hari ini.

Hubungan Malaysia-Indonesia masa kini juga boleh ditakrifkan sebagai satu bentuk hubungan “memakmurkan tetangga (*prosper thy neighbor*)”. Ia membawa makna hubungan yang wujud telah mewujudkan suasana “win-win”. Ia lebih banyak merujuk kepada tumpuan warga Indonesia yang mencari nafkah di Malaysia yang merupakan kumpulan pekerja asing yang paling ramai di negara ini. Sumber dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (Malaysia) menyatakan pada tahun 2006 dianggarkan seramai 1,221,409 orang pekerja Indonesia berada di Malaysia yang mewakili sebanyak 64.4 peratus dari jumlah pekerja asing di negara ini (<http://www.epu.jpm.my/new%20folder/ses/pdf/1.4.1.pdf>). Manakala kira-kira 1.5 juta lagi merupakan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI). Walaupun terdapat kes-kes terpencil yang melibatkan pekerja-pekerja Indonesia dalam jenayah di Malaysia, kerajaan negara ini mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya mengikut lunas undang-undang.

Namun begitu tidak dapat dinafikan bahawa sebagai sebuah negara berjiran, konflik di antara kedua-dua buah negara mudah berlaku. Contohnya soal pertindihan tuntutan ke atas Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan. Pertikaian lebih 30 tahun ini akhirnya dibawakan ke peringkat antarabangsa apabila ia dibawa ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa The Hague (ICJ). Keputusan mahkamah pada 17 Disember 2002 telah menyerahkan kedua-dua pulau kepada Malaysia. Selain dari itu, peristiwa Ambalat juga mengundang kontroversi dalam hubungan kedua-dua buah negara dan ia secara jelas telah diselesaikan melalui saluran diplomatik. Hubungan pancawarna Malaysia-Indonesia turut dicorakkan oleh isu Manohara-Tengku Temenggung yang mendapat liputan yang meluas dalam kalangan rakyat Indonesia. Krisis keluarga itu telah disensasikan oleh media massa Indonesia yang telah mencetuskan sedikit ketegangan hubungan dalam kalangan rakyat kedua-dua buah negara. Isu Batik Indonesia juga menjadi sebahagian dari konflik antara dua buah negara. Namun begitu dengan persefahaman yang tinggi dalam kalangan pemimpin Malaysia-Indonesia, isu-isu tersebut berjaya diredakan.

Kadang kala hubungan Malaysia-Indonesia agak jelas dipengaruhi oleh isu-isu yang kecil dan perkara-perkara yang bersifat kontroversi seperti isu Manohara dan Tengku Temenggung. Demikian juga dengan isu Tarian Pendet, Lagu Rasa Sayang. Mungkin pihak Indonesia menyifatkan perkara-perkara tersebut sebagai serius dan perlu diperhalusi. Namun perkara yang membangkitkan persoalan dalam hubungan dua hala dengan Malaysia ialah respons dari rakyat di negara itu terhadap isu-isu yang muncul dalam masalah hubungan diplomatik ini agak keterlaluan. Dalam masa yang sama rakyat Malaysia lebih bersikap tenang dengan masalah-masalah yang ditimbulkan oleh sebilangan rakyat Indonesia di negara ini.

## **PENUTUP**

Melihat kepada pengalaman hubungan serumpun Malaysia-Indonesia, kedua-dua negara perlu memperkasakan hubungan dua hala dengan memupuk usaha sama strategik melampaui paksi tradisional. Perdana Menteri Malaysia iaitu Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak pernah menyatakan bahawa walaupun kedua-dua negara berkongsi asas hubungan tradisional yang kuat tetapi tuntutan zaman menghendaki Malaysia dan Indonesia mengatur langkah lebih pragmatik dan saling menguntungkan. Beliau juga turut menyarankan untuk memperkasakan hubungan itu, kedua-dua negara perlu memupuk kerjasama strategik berasaskan kepentingan bersama yang bersifat ekonomi, sosiobudaya serta bidang politik antarabangsa, teknologi dan pendidikan. Beliau seterusnya berkata sepanjang lima dekad yang lepas ianya mempunyai pasang surut namun hakikatnya hubungan kedua-dua terus berkekalan disebabkan oleh faktor serumpun yang wujud sebagai elemen penyatuan hubungan. Sebenarnya hubungan Malaysia-Indonesia telah mempunyai asas dan penerusan yang kukuh. Pengisian dalam hubungan yang sedang wujud hanya perlu disertai dengan persefahaman dan sikap saling memerlukan banyak di kalangan pemimpin mahupun di pihak rakyat di kedua-dua buah negara.

Keakraban hubungan mempunyai potensi membangunkan semula sejarah hegemoni dunia Melayu yang pernah wujud satu ketika dahulu. Ternyata sekali pengurusan politik dan polisi dalam kedua-dua buah negara mampu memberikan kesan yang besar dalam penerusan hubungan Malaysia dan Indonesia dalam dekad-dekad yang akan datang. Atau dengan kata lain peranan pihak elit politik sama ada di Malaysia mahupun di Indonesia memberikan kesan yang besar dalam penerusan hubungan antara kedua-dua buah negara. Perkara penting supaya dalam mengejar kepentingan ekonomi, keselamatan dan keutuhan wilayah, hubungan “adik-abang” yang berkonsepkan bangsa serumpun ini mampu terus bertahan.

**Rujukan**

- A. Aziz Deraman. (1994). *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia (Suatu Pengenalan dan Sejarah Ringkas)*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara.
- Abdullah Hassan. (1980). *Linguistik Am untuk Guru Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Brackman, A. (1963). *Southeast Asia's Second Front: The Power Struggle in the Malays Archipelago*. London: Frederick A Preager Publisher.
- Berita Harian*. 1970. 22 Januari.
- DO 35/9951. (1958). Surat dari kedutaan British di Jakarta. 1958. no. 98. (1045/58). 24 Oktober.
- DO 35/9951. (1959). Future Relations Between Indonesia and Federation of Malaya. Pejabat Luar Steering Committee Paper. LR 20/17. 7 April.
- DO 35/9951. (1959). Telegram dari Sir W. Goode di Singapura kepada Setiausaha Negara bagi Tanah Jajahan. No. 130. 4 Mei.
- DO35/9879. (1959). Surat dari Leslie Fry di Jakarta kepada Selwyn Lloyd. (11212/59). Dispatch no. 38 (E). 20 Mac.
- DO 169/75. (1963). Telegram dari Kuala Lumpur ke CRO. No. 170. 2 Februari.
- DO 169/519. (1964). Surat dari Singapura ke Pejabat Luar. No. 582. 26 September.
- FO 371/176482. (1964). Majlis Keselamatan Negara. Memorandum from Minister of Defence. Bilangan 68. November.
- FO 371/181494. (1958). Surat dari Pesuruhjaya Tinggi British di Malaysia kepada Setiausaha Negara bagi Hubungan Komanwel. KL 164/104/5. 19 Disember.
- FO 371/187565. (1966). Nota dari H.S.H. Stanley. KL.16/214/1. Dispatch no. 12. 10 Jun.
- Foreign Affairs Malaysia. (1966). 1: 3. Kuala Lumpur: Wisma Putra.
- Harrison, B. (1964). *South-East Asia A Short History*. London: Macmillan & Co Ltd.

- Hindley, D. (1964). "Indonesian's Confrontation With Malaysia: A Search For Motives" *Asian Survey*. IV: 6. Jun 1964. (pp. 887-912).  
<http://www.epu.jpm.my/new%20folder/ses/pdf/1.4.1.pdf>. Akses pada 2 Februari 2009.
- Ismail Hussein. (1984). *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Kebangsaan Kita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Pelajaran Malaysia.
- Joseph, J.C. (2005). *The politics of Indonesia-Malaysia relations, one kin, two nations*. London: Routledge Curzon. Taylor & Francis Group.
- Kertas Putih Kerajaan Malaysia, Malaya-Indonesia Relations*. (1963). Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia. 31 Ogos 1957-15 September 1963.
- Kroef, J. van der. (1963). "Indonesia, Malaya and the Borneo Crisis." *Asian Survey*. 25: 4. April 1963. (pp. 160-178).
- Legge, J.D. (1981). *Indonesia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Leifer, M. (1983). *Indonesian Foreign Policy, The Royal Institute of International Affairs*. London: George Allen & Unwin.
- M. Ghazali Shafie. (1982). *Malaysia: International Relations*. (Selected Speeches). Kuala Lumpur: Creative Enterprise Sendirian Berhad.
- Mcintyre, A. (1973). "The 'greater Indonesia' idea of nationalism in Malaya and Indonesia" *Modern Asian Studies*. 7: (pp.73- 89).
- Mohammad Hatta. (1965). "One Indonesian view of the Malaysia issue." *Asian Survey*. V: 2. Februari. pp. (pp.140-155).
- Muhamad Hear Hj. Muhamad. (1976). "Malaysia dan Kerjasama Serantau di Asia Tenggara." Kongres Sejarah Malaysia. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nathan, K.S. (1973). "Nationalism and Foreign Policy: The Case of Indonesia Under Sukarno." *Nusantara*. 10. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (pp.28-35).

- Nik Anuar Nik Mahmud. (2000). *Konfrontasi Malaysia-Indonesia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ott, M. C. (1971). *The Source and Content of Malaysian Foreign Policy Towards Indonesia and Philippines*. Ph.D Theses: The John Hopkins University.
- Pluvier, J.M. (1965). *Confrontation: A Study of Indonesian Politics*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- R.M Koentjaraningrat. (1975). *Introduction to the Peoples and Cultures of Indonesia and Malaysia*. London: Cummings Publishing Company.
- Ruhanas Harun. (edt.) (2006). *Malaysia's Foreign Relations: Issues and Challenges*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Septy Ruzui. (1968). *A Relations Between Indonesian, Malay and Some Philippine Languages*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Siri ucapan-ucapan YTM Abdul Rahman Putra Al-Haj 1959-1960. (1985). TAR:3:1: 59. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Siri Ucapan-ucapan YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj 1959-1960. (1985). TAR:2:11: 55. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Syed Othman Syed Omar. (1999). *Tentera Malaysia Dalam Era Konfrontasi*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- The Malay Mail*, 17 September 1963.
- Utusan Melayu*. (1962). 19 November.